

— PM tolak permintaan Daim letak jawatan

BANGI 7 Jan. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau telah menolak permintaan Dato' Paduka Daim Zainuddin untuk meletakkan jawatan sebagai Menteri Kewangan.

Menurut Perdana Menteri, Dato' Paduka Daim telah menyatakan hasratnya itu sejurus sebelum pilihanraya umum tahun lalu tetapi permintaannya itu ditolak.

Bagaimanapun, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, beliau tidak tahu-menahu mengenai desas-desus di kalangan ahli-ahli korporat dan pasaran saham kononnya Menteri Kewangan itu akan meninggalkan jawatannya tidak lama lagi.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, ini bukanlah kali pertama Menteri Kewangan itu menyatakan hasratnya untuk meletakkan jawatan.

Katanya, Dato' Paduka Daim telah melahirkan hasratnya untuk meletakkan jawatan pertama kali pada tahun 1986 dan kemudian pada tahun 1987 tetapi permohonannya itu ditolak.

"Bagaimanapun, sebelum pilihanraya umum yang lalu, beliau sekali lagi menyatakan hasratnya itu tetapi saya tetap menolaknya, malah meminta beliau terus bertanding mempertahankan kawasannya dalam pilihanraya itu," kata Dato'

LIHAT MUKA 2

Oleh
Badrul Azhar Rahman

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

DAIM MINTA BERHENTI

Sri Dr. Mahathir ketika menjawab pertanyaan para wartawan selepas merasmikan program pengurusan bank di sini pagi ini.

Beliau menjelaskan demikian sebagai mengulas desas-desus kononnya Dato' Paduka Daim akan meletakkan jawatan selepas Belanjawan Negara 1991 diluluskan oleh Parlimen.

Berita perletakan jawatan itu semakin heboh diperkatakan sejak beberapa hari lalu khususnya di kalangan ahli-ahli korporat dan mereka yang terlibat dalam pasaran saham.

Menurut Perdana Menteri, memang beliau ada mendengar mengenai perkara itu tetapi selepas pilihanraya umum, Dato' Paduka Daim tidak pula

mengemukakan sebarang surat perletakan jawatan.

"Dia selalu cakap pasal soal letak jawatan ini dan saya tidak tahu bila dia benar-benar serius mahu berbuat demikian tapi jika benar saya perlu jumpa dengan dia dulu," tambahnya.

Ditanya bagaimana jika kali ini Dato' Paduka Daim membuat permintaan secara serius untuk meletakkan jawatannya, kata Perdana Menteri: "Saya tidak boleh membuat keputusan kepada akhbar tanpa berbincang dengannya terlebih dulu."

Bagaimanapun katanya, keputusan sama ada hendak menerima atau menolak perletakan jawatan itu adalah hak Perdana Menteri sepenuhnya.